

06/07/1998

Umno teliti pelbagai punca kekalahan

KUALA LUMPUR, Ahad - Umno akan mengadakan bedah siasat bagi meneliti pelbagai faktor yang menyebabkan kekalahan calonnya, Ismail Kassim dalam pilihan raya kecil Parlimen Arau, semalam.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, pula berkata Umno akan mengadakan bedah siasat bagi meneliti pelbagai faktor menyebabkan kekalahan calonnya.

"Ia (kekalahan itu) adalah perkara yang mesti kita teliti," katanya selepas majlis perasmian Perarakan Flora sempena Pesta Flora di Dataran Merdeka di sini, hari ini. Majlis itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pilihan raya kecil itu, Ismail yang juga adik kepada Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, tewas kepada calon Pas, Hashim Jasin.

Hashim, 59, memperolehi 12,864 undi, manakala Ismail, 38, mendapat 11,541. Hashim menang dengan majoriti 1,323 undi.

Ditanya sama ada siasatan itu akan turut menyentuh isu nepotisme dan kronisme seperti yang didakwa parti pembangkang, beliau berkata: "Itu kita tak tahu. Kita kena tengok dulu sebabnya. Saya pun tak tahu nak bagi alasan sebegitu."

Bagaimanapun, Sabbaruddin berkata, siasatan akan menyentuh kekalahan tipis BN kerana pada pilihan raya umum 1995, BN menang dengan majoriti besar.

"Dulu kita dapat majoriti kira-kira 7,000 undi. Tapi, sekarang kita kalah kira-kira 1,300 undi. Ertinya, ada perbezaan besar. Mesti ada sebab tertentu... sebab yang mesti kita teliti," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kekalahan yang dialami BN itu tidak bermakna pengundi dan rakyat kehilangan kepercayaan kepada parti yang menjadi tulang belakang BN.

Sambil menyatakan BN menerima keputusan yang dibuat pengundi di kawasan itu, beliau berkata, Umno dan BN tetap menjadi pilihan rakyat dan pilihan raya kecil seperti itu sebagai suasana yang berlainan.

Di JASIN, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar, berkata kekalahan itu tidak sepatutnya berlaku kerana Arau adalah kubu kuat BN sejak dulu lagi.

"Saya berpendapat post-mortem segera patut dilakukan oleh kerajaan negeri untuk mengkaji faktor yang menyebabkan kekalahan itu," katanya.

(END)